

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
2-4	KEBAKARAN PUTRA HEIGHTS: SUMBANGAN RM2,000 KPT BERI KELEGAAN KEPADA PENUNTUT IPT	6 APRIL 2025	BERNAMA ONLINE
5-7	MALAYSIA, KOREA SELATAN SETUJU TUBUH JAWATANKUASA KERJA PERKUKUH KERJASAMA PENDIDIKAN TINGGI	15 APRIL 2025	BERNAMA ONLINE
8-9	PELAN PENDIDIKAN TINGGI BAHARU DILANCAR TAHUNINI	19 APRIL 2025	BERNAMA ONLINE
10-11	POLYCC JANGKA MILIK CAPAIAN WIFI 100 PERATUS PADA JAN-JULAI DEPAN	20 APRIL 2025	BERNAMA ONLINE
12-13	MALAYSIA, INDONESIA PERKUKUH SEKTOR PENDIDIKAN BERKAITAN TVET	21 APRIL 2025	BERNAMA ONLINE
14-15	TAKLIMAT AWAL PTTM 2025-2035 DIKEMUKAKAN KEPADA PERDANA MENTERI	22 APRIL 2025	BERNAMA ONLINE
16-18	INSTITUSI PERPUSTAKAAN PERLU DITONJOLKAN SEBAGAI PEMANGKIN KEMAJUAN NEGARA	22 APRIL 2025	BERNAMA ONLINE
19-21	PROGRAM TVET PRASARANA SASAR LATIH 1,000 INDIVIDU	23 APRIL 2025	BERNAMA ONLINE
22-23	RUANG PENDIDIKAN TVET TERBUKA LUAS UNTUK LEPASAN SPM 2024	24 APRIL 2025	BERNAMA ONLINE

# BERNAMA

6 APRIL 2025

BERNAMA ONLINE | KEBAKARAN PUTRA HEIGHTS: SUMBANGAN RM2,000 KPT BERI KELEGAAN KEPADA PENUNTUT IPT

## Kebakaran Putra Heights: Sumbangan RM2,000 KPT Beri Kelegaan Kepada Penuntut IPT

🕒 06/04/2025 02:58 PM



BERNAMA

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi Datuk Prof Dr Azlinda Azman (dua, kiri) menyampaikan sumbangan kepada pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang terlibat dalam kebakaran saluran paip gas di Pusat Pemindahan Sementara (PP) Dewan Serbaguna Masjid Putra Heights hari ini. Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Perkasa Siswa (YPS) Hirman.

SHAH ALAM, 6 April (Bernama) -- Sumbangan RM2,000 yang disalurkan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menerusi Yayasan Perkasa Siswa (YPS) memberi kelegaan kepada penuntut Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terjejas akibat insiden kebakaran saluran paip gas Putra Heights, Subang Jaya, Selasa lepas.

Bantuan itu disifatkan sangat bermakna terutama ramai dalam kalangan mereka yang kehilangan bukan sahaja harta benda tetapi juga peranti elektronik seperti tablet dan komputer riba, yang penting untuk digunakan bagi tujuan pengajian akan bermula esok.

Penuntut Universiti Teknologi Mara (UiTM) Nur Ain Aisyah Mohamad Johar, 23, berkata tablet (iPad) dan komputer riba miliknya musnah dalam kejadian pada 1 April lepas.

"Insya-Allah duit itu sedikit sebanyak akan dimanfaatkan untuk menggantikan semula peranti elektronik saya... UiTM pun ada memberikan sedikit sumbangan... Ini memberikan sedikit kelegaan kepada kami selepas diuji dengan musibah," kata pelajar ijazah pengurusan sumber manusia yang menetap di Kampung Kuala Sungai Baharu itu.

Sementara itu, penuntut Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Adlyn Safiah Abu Samah, 20, bersama kakak dan abangnya yang masing-masing menuntut di UIAM dan Universiti Kuala Lumpur (Unikl) turut meluahkan rasa penghargaan di atas sumbangan itu.

Beliau berkata mereka amat komited untuk mengikuti pengajian seperti biasa, namun mungkin terpaksa menunda hasrat itu ekoran peranti elektronik seperti komputer riba dan buku-buku pengajian masih berada di kediaman yang kini tidak boleh dimasuki.

"Sumbangan ini akan digunakan untuk membaiki peranti elektronik kami seperti komputer riba jika rosak dan bakinya kami gunakan untuk meringankan beban mak dan ayah kami. Akibat insiden ini, kami sekeluarga mengalami kerugian yang banyak terutama selepas kereta keluarga dan motor abang saya turut rosak," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi Datuk Prof Dr Azlinda Azman berkata setakat ini pihaknya telah mengenal pasti 70 pelajar IPT termasuk universiti awam dan swasta untuk diberikan sumbangan berkenaan.

"Sumbangan segera ini kita akan berikan secara wang tunai jika ada antara mereka yang hilang atau musnah kad bank dalam kejadian itu, dan selebihnya kita akan lakukan menerusi pindahan dalam talian," katanya.

Beliau berkata perbincangan bersama pihak Kementerian Digital juga sedang dijalankan bagi pemberian sumbangan membabitkan komputer riba kepada penuntut yang terkesan akibat kejadian itu.

-- BERNAMA

# BERNAMA

15 APRIL 2025

BERNAMA ONLINE | MALAYSIA, KOREA SELATAN SETUJU TUBUH JAWATANKUASA KERJA PERKUKUH KERJASAMA PENDIDIKAN TINGGI

## **Malaysia, Korea Selatan Setuju Tubuh Jawatankuasa Kerja Perkukuh Kerjasama Pendidikan Tinggi**

⌚ 15/04/2025 09:01 PM



Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir

PUTRAJAYA, 15 April (Bernama) -- Malaysia dan Korea Selatan bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Kerja Bersama bagi memperkuuh kerjasama strategik dalam bidang pendidikan tinggi.

Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir berkata jawatankuasa itu akan turut menggerakkan Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani kerajaan kedua-dua negara sebelum ini.

"Ini termasuk pelaksanaan program mobiliti pelajar dan pensyarah, penglibatan Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia, Politeknik serta Kolej Komuniti dalam kolaborasi teknikal, dan penglibatan syarikat multinasional Korea dalam pelaksanaan program 'Work-based Learning' (WBL) di Malaysia," katanya dalam kenyataan hari ini.

Zambry berkata perkara berkenaan dipersetujui ketika pertemuan dua hala bersama Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan Korea Selatan Dr Lee Ju-ho yang diadakan sempena edisi kedua Persidangan Antarabangsa *Human Capability Initiative (HCI 2025)* pada 13 hingga 14 April lepas.

Mengulas mengenai HCI 2025, beliau berkata penyertaan Malaysia dalam persidangan berprestij di bawah naungan Perdana Menteri Arab Saudi Putera Mahkota Muhammad Bin Salman itu melambangkan pengiktirafan kepada peranan negara dalam pembangunan keupayaan insan di peringkat global.

Bertemakan "Beyond Readiness", persidangan berkenaan menghimpunkan lebih 12,000 peserta dan 300 jurucakap dari lebih 100 negara.

Zambry berkata beliau telah berkongsi mengenai inisiatif utama Malaysia dalam mendepani era kecerdasan buatan (AI) ketika Perbincangan Meja Bulat Menteri yang menghimpunkan menteri-menteri pendidikan tinggi dari lebih 20 negara.

"Saya turut menekankan pentingnya nilai etika dan kemanusiaan dikekalkan dalam kemajuan teknologi supaya pembangunan yang berlaku bersifat seimbang dan inklusif," katanya.

Beliau turut mengadakan pertemuan dengan Menteri Pendidikan Arab Saudi Dr Yousef Abdullah Al-Benyan bagi membincangkan kolaborasi antara Malaysia dan Arab Saudi, terutamanya dalam program perkongsian tenaga mahir serta teknologi terkini dalam bidang pendidikan tinggi.

Sebagai sebahagian daripada agenda utama HCI 2025, Zambry juga berkongsi mengenai anjakan yang bakal dilakukan dalam Pelan Pendidikan Tinggi Malaysia (PPTM) 2025–2035.

"Kita juga memperkenalkan konsep 'unbundling' iaitu pemecahan struktur program akademik kepada komponen kecil seperti 'micro-credentials', kursus individu, modul pembelajaran, latihan industri, dan projek.

"Ini sesuatu yang mungkin baharu dan boleh berkongsi dengan negara-negara lain," katanya.

-- BERNAMA

# BERNAMA

19 APRIL 2025

BERNAMA ONLINE | PELAN PENDIDIKAN TINGGI BAHARU DILANCAR TAHUN INI

## Pelan Pendidikan Tinggi Baharu Dilancar Tahun Ini – Timbalan Menteri

⌚ 19/04/2025 06:09 PM



Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Mustapha Sakmud

SANDAKAN, 19 April (Bernama) -- Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan melancarkan pelan pendidikan tinggi baharu negara tahun ini, membabitkan pelan 10 tahun sehingga 2035, kata timbalan menterinya Datuk Mustapha Sakmud.

Beliau berkata antara tumpuan pelan berkenaan adalah teknologi baharu, terutama berkaitan kecerdasan buatan (AI) yang semakin menjadi keperluan dalam pelbagai bidang.

"Kita tidak boleh lari daripada teknologi AI. Ini fenomena baharu dan kita mahu graduan sama ada dari universiti, institusi pendidikan atau program pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) boleh beradaptasi dengan cabaran teknologi masa depan," katanya.

Mustapha berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan program Jom Masuk U 2025-Zon Sabah di sini hari ini.

Sementara itu Mustapha berkata pelajar yang berhasrat melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi namun menghadapikekangan kewangan boleh mengisi persetujuan menerima wang pendahuluan pinjaman sebelum mendaftar di institusi pendidikan.

"Wang pendahuluan RM1,500 daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) akan diberikan dan ini diharapkan dapat memudahkan sedikit persediaan untuk pelajar berkenaan melanjutkan pelajaran," katanya.

Mustapha berkata pelajar dan keluarga yang kurang berkemampuan juga tidak perlu bimbang mengenai bayaran yuran pendaftaran kemasukan ke universiti kerana terdapat polisi kementerian agar yuran pendaftaran ditangguhkan sehingga pelajar berkenaan mendapat pembiayaan.

"Kita mahu memberi mesej bahawa masuk universiti ini mudah dan banyak insentif disediakan oleh kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. KPT juga menyediakan kemudahan termasuk program penajaan," katanya.

Program Jom Masuk U 2025-Zon Sabah berlangsung selama dua hari bermula hari ini, melibatkan penyertaan 20 universiti awam dan beberapa universiti swasta serta dua instituti TVET iaitu kolej komuniti

# BERNAMA

20 APRIL 2025

BERNAMA ONLINE | POLYCC JANGKA MILIK CAPAIAN WIFI 100 PERATUS PADA JAN-JULAI DEPAN

## POLYCC Jangka Miliki Capaian Wifi 100 Peratus Pada Jun-Julai Depan

⌚ 20/04/2025 06:20 PM



KOTA BHARU, 20 April (Bernama) -- Sistem Perpustakaan Berpusat Politeknik dan Kolej Komuniti (POLYCC) dijangka mempunyai akses capaian WiFi seratus peratus pada Jun atau Julai tahun ini.

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dalam kenyataannya memaklumkan bagi mencapai liputan WiFi 100 peratus itu, POLYCC telah dimasukkan dalam senarai projek perluasan WiFi oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menerusi fasa 2 yang sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada Jun depan.

"Keberhasilan daripada peruntukan 'Rolling Plan' (RP) 4 serta RP5 dalam projek perluasan WiFi dan digabungkan dengan peruntukan perluasan WiFi oleh MCMC, maka kampus POLYCC akan mempunyai capaian WiFi seratus peratus pada sekitar Jun dan Julai 2025," menurut kenyataan itu hari ini.

Menurut kenyataan itu peruntukan bagi RP4 dilihat sebagai titik perubahan untuk JPPKK memberi fokus kepada projek perluasan WiFi bagi fasa pertama yang telah memberi manfaat kepada tujuh politeknik dengan kos keseluruhan RM9 juta dan tempoh pelaksanaan selama dua tahun serta dijangka siap sepenuhnya tahun ini.

"Apabila projek ini siap, peratusan capaian WiFi akan meningkat kepada 68 peratus. JPPKK turut menerima RM5 juta untuk pembangunan semula aplikasi Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik (SPMP) versi 2.0," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu memaklumkan kesinambungan perluasan WiFi fasa 2 dalam RP5 telah dimasukkan sebagai agenda utama JPPKK dengan kos RM15.6 juta dan akan memberi manfaat kepada sembilan politeknik.

"Projek ini dijangka siap pada 2026 dan apabila projek fasa ini selesai, maka capaian WiFi di politeknik akan meningkat kepada 83.6 peratus secara keseluruhan.

"Peruntukan RP5 ini juga akan melibatkan projek gantian usang melibatkan 16 Kolej Komuniti dengan kos keseluruhan RM4.5 juta dan dijangka siap pada tahun ini," menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA

# BERNAMA

21 APRIL 2025

BERNAMA ONLINE | MALAYSIA, INDONESIA PERKUKUH SEKTOR PENDIDIKAN BERKAITAN TVET

## Malaysia, Indonesia Perkukuh Sektor Pendidikan Berkaitan TVET

⌚ 21/04/2025 08:03 PM



JAKARTA, 21 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menyatakan komitmen Malaysia untuk memperluas kerjasama pendidikan dengan Indonesia khususnya dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Beliau menyaksikan pertukaran dua Surat Hasrat (LOI) antara Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dengan Pemerintah Wilayah Jakarta dan Sumatera Barat serta satu lagi antara Perkhidmatan Global Pendidikan Malaysia (EMGS) dan Gabenor Wilayah Sumatera Barat Mahyeldi Ansharullah.

Inisiatif ini bertujuan mempromosikan TVET dan program teknikal lain kepada pelajar Indonesia sejajar dengan hasrat Malaysia untuk memperkuuh ekosistem pendidikan teknikal di rantau ini.

"Kita mahu berkongsi peluang dan membuka sistem pendidikan teknikal kita kepada lebih ramai pelajar Indonesia," katanya kepada media selepas majlis pertukaran LOI itu di sini hari ini.

Ahmad Zahid berkata pendidikan di Malaysia yang diiktiraf di peringkat antarabangsa serta sejajar dengan sistem pendidikan negara Komanwel menawarkan pengajaran dwibahasa dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris di enam universiti di bawah Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia yang mengkhusus dalam bidang kejuruteraan serta teknikal.

Beliau berkata ini akan menjadi kelebihan kepada pelajar yang mencari pendedahan di peringkat antarabangsa.

Ahmad Zahid turut menggesa UniKL, sebagai sebuah institusi milik MARA, terus memperluas capaian antarabangsa dengan menerima lebih ramai pelajar dari Indonesia dan mengimbangi 11,000 pelajar negara itu di Malaysia berbanding hanya lebih 2,000 pelajar Malaysia di Indonesia.

Beliau berkata justeru itu, Malaysia merancang menghantar lebih ramai pelajar melanjutkan pengajian di Institut Teknologi Bandung yang berprestij di Indonesia terutama dalam bidang pertanian.

# BERNAMA

22 APRIL 2025

BERNAMA ONLINE | TAKLIMAT AWAL PTTM 2025-2035 DIKEMUKAKAN KEPADA PERDANA MENTERI

## Taklimat Awal PTTM 2025-2035 Dikemukakan Kepada Perdana Menteri – Zambry

⌚ 22/04/2025 10:26 PM



TAPAH, 22 April (Bernama) -- Taklimat awal Pelan Pendidikan Tinggi Malaysia 2025-2035 (PPTM 2025-2035) telah dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum dilancarkan tahun ini, kata Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir.

Zambry berkata draf pelan yang bakal memberikan dimensi baharu kepada pendidikan tinggi negara itu, sebelum ini diserahkan secara rasmi kepadanya oleh jawatankuasa yang dibentuk oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

"Taklimat awal kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun dikemukakan. Kita cuma menunggu waktu yang sesuai untuk melancarkannya tahun ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Program Outreach KPT@Tapah di sini, hari ini.

Sebelum ini Zambry berkata KPT dalam proses akhir untuk memuktamadkan PPTM 2025-2035 susulan pelan sedia ada bakal berakhir hujung tahun ini.

Sementara itu, beliau mengingatkan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang tidak ditawarkan tempat ke institusi pengajian tinggi (IPT) supaya tidak berputus asa dan memilih aliran kemahiran untuk meneruskan pengajian mereka.

"Sistem pendidikan dan struktur pendidikan yang ada pada hari ini sudah berubah. Ia bukan hanya lagi tertakluk kepada universiti semata-mata. Jadi laluan kepada proses pembelajaran bukan hanya terkhusus kepada laluan universiti.

"Hari ini kerajaan MADANI kita telah mengubah situasi itu iaitu terkhusus juga dalam bidang teknikal dan kita memberikan penekanan yang sama dengan bidang akademik," katanya.

# BERNAMA

22 APRIL 2025

BERNAMA ONLINE | INSTITUSI PERPUSTAKAAN PERLU DITONJOLKAN SEBAGAI PEMANGKIN KEMAJUAN NEGARA

## Institusi Perpustakaan Perlu Ditonjolkan Sebagai Pemangkin Kemajuan Negara – Aaron Ago

⌚ 22/04/2025 02:49 PM



Menteri Perpaduan Negara Datuk Aaron Ago Dagang menyampaikan ucapan perasmian pada Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2025 dan penyerahan Baucar Buku Semarak Membaca 2025 yang diadakan sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia di sini hari ini.

SUNGAI PETANI, 22 April (Bernama) -- Institusi perpustakaan perlu lebih menyerlah dan menonjolkan kepentingannya sebagai pemangkin kepada kemajuan ekonomi, politik, sosial, pendidikan dan kebudayaan negara.

Menteri Perpaduan Datuk Aaron Ago Dagang berkata perpustakaan sebagai gedung ilmu mempunyai peranan yang amat signifikan dalam membangunkan sesebuah negara.

"Kini terdapat 1,076 perpustakaan desa yang memberikan perkhidmatan kepada rakyat Malaysia dari Perlis hingga ke Sabah," katanya.

Aaron Ago berkata demikian selepas merasmikan Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2025 dan Baucar Buku Semarak Membaca 2025 yang diadakan sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia di sini hari ini.

Beliau berkata daripada jumlah keseluruhan itu, 506 perpustakaan di bawah seliaan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), manakala 570 lagi di bawah negeri.

"Ini tidak termasuk perpustakaan universiti, perpustakaan awam negeri, perpustakaan di agensi kerajaan dan termasuklah pusat sumber sekolah yang keseluruhannya berjumlah 13,674 buah," katanya.

Aaron Ago berkata budaya membaca perlu dijadikan sebagai satu gaya hidup dalam kalangan rakyat kerana ia adalah langkah pertama kepada segala kemajuan dan menjadikan manusia lebih berdaya maju serta matang dari segi pemikiran.

Beliau berkata kemajuan negara dan ketamadunan bangsa dapat dikembangkan serta dipertingkatkan jika bangsa itu berfikiran tinggi yang lahir daripada amalan membaca.

"Selari dengan matlamat itu, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menerusi PNM telah melaksanakan 48,686 program galakan membaca pada 2024.

"Sebagai satu usaha berterusan untuk menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan rakyat, Kerajaan MADANI menerusi KPN menganjurkan Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2025 dan Baucar Buku Semarak Membaca sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia," katanya.

Beliau berkata program itu mampu menyemarakkan kembali usaha membaca, sejajar dengan hasrat Kerajaan MADANI untuk mewujudkan masyarakat berpengetahuan.

-- BERNAMA

# BERNAMA

23 APRIL 2025

BERNAMA ONLINE | PROGRAM TVET PRASARANA SASAR LATIH 1,000 INDIVIDU

## Program TVET Prasarana Sasar Latih 1,000 Individu

⌚ 23/04/2025 09:30 PM



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana Mohd Azharuddin Mat Sah ketika sidang media selepas Majlis Pertukaran Perjanjian Strategik antara Prasarana Malaysia Bhd bersama Hitachi Rail Canada bagi memajukan industri Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Menara Prasarana hari ini.

PETALING JAYA, 23 April (Bernama) -- Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) menyasarkan melatih 1,000 individu menerusi Program TVET Prasarana sebagai usaha menyokong Dasar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Negara 2030.

Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana Mohd Azharuddin Mat Sah berkata program itu, akan dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh lima tahun dengan penglibatan 200 pelatih setahun.

Tempoh latihan ialah 12 bulan dengan bidang ditawarkan pengoperasian bas elektrik, penyelenggaraan tren (*Rolling Stock*) dan keselamatan siber, selain semua pelatih layak menerima Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

"Kesemua program ini dijadual bermula pada suku keempat tahun ini dan menyasarkan melatih individu terdiri daripada lepasan sekolah, pelajar institusi vokasional, pemegang diploma dan graduan universiti.

"Usaha ini selari dengan keperluan industri serta menyokong Dasar TVET Negara 2030 untuk melahirkan tenaga kerja berkemahiran dan berpendapatan tinggi," katanya pada Program Prasarana Memperkuuh Usaha Membangun Tenaga Kerja Masa Depan Selaras Agenda TVET Negara di sini hari ini.

Mohd Azharuddin berkata secara dasarnya, Prasarana selaku syarikat besar mengendalikan **13,000** pekerja ingin terus menyumbang dalam melahirkan bakat baharu yang mempunyai pendedahan awal tentang operasi syarikat.

Selain itu, Prasarana turut memeterai kerjasama strategik bersama Hitachi Rail, bagi memperkuuh dan memperluas pelaksanaan program TVET di Malaysia.

Kerjasama strategik itu sebagai sokongan kepada fokus bersama dalam pembangunan modal insan merangkumi pelaksanaan program *Protege Hitachi* melibatkan 29 peserta, yang berpeluang menyertai sesi bersama kepimpinan kanan serta lawatan pembelajaran ke pusat kawalan operasi rel dan depoh penyelenggaraan.

Sementara itu, Pengarah Urusan Hitachi Rail bagi perniagaan Urban Rail Signalling Ziad Rizk berkata program *protege* itu membolehkan mereka membantu melahirkan tenaga berkemahiran tinggi dalam kalangan generasi muda tempatan.

"Hitachi Rail berbangga mengukuhkan komitmen terhadap pembangunan kemahiran dan inovasi strategik. Kerjasama bersama Prasarana selama 30 tahun dan pelaksanaan teknologi SelTrac penting dalam menambah baik operasi rel dan kami amat teruja untuk terus memajukan industri rel di Malaysia," katanya.

-- BERNAMA


# BERNAMA

24 APRIL 2025

BERNAMA ONLINE | RUANG PENDIDIKAN TVET TERBUKA LUAS UNTUK LEPASAN SPM 2024

## Ruang Pendidikan TVET Terbuka Luas Untuk Lepasan SPM 2024 – Ahmad Zahid

⌚ 24/04/2025 06:14 PM



PUTRAJAYA, 24 April (Bernama) -- Ruang pendidikan sentiasa terbuka luas kepada semua calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2024 termasuk melalui Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang kini diiktiraf sebagai pemacu utama pembangunan negara, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata TVET bukan sahaja berperanan memperkasakan modal insan, tetapi juga membina asas kukuh kepada ekonomi berpendapatan tinggi yang bergantung pada tenaga kerja mahir dan kompeten.

"Walau apa juga keputusan yang diperoleh, ia permulaan langkah ke peringkat kehidupan seterusnya yang akan mencorakkan masa depan, sama ada meneruskan pengajian akademik, menyertai dunia pekerjaan atau menceburi bidang teknikal dan kemahiran.

"Selain laluan akademik di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, kerajaan turut menyediakan jalur pendidikan melalui TVET," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Ahmad Zahid berkata sebagai Pengurus Majlis TVET Negara, beliau komited untuk memastikan agenda TVET diangkat sebagai satu daripada aliran pendidikan utama, bukan sekadar pilihan alternatif bagi mereka yang kurang cemerlang dalam akademik.

Beliau berkata kerajaan telah menyediakan saluran UP\_TVET sebagai platform rasmi bagi memohon dan melanjutkan pengajian dalam bidang ini dengan 12 kementerian yang menawarkan program TVET melibatkan 1,398 institusi TVET.

"Jumlah pelajar menyertai bidang TVET pada tahun lepas juga meningkat kepada lebih 436,285 peserta berbanding 407,038 pada 2023. Kadar kebolehpasaran lepasan TVET mencecah 94.5 peratus termasuk kebolehpasaran siswazah daripada institusi TVET di bawah MARA (Majlis Amanah Rakyat) pula pada kadar 98.7 peratus," katanya.

Keputusan peperiksaan SPM 2024 mencatatkan pencapaian terbaik sejak 2013 dengan indeks Gred Purata Kebangsaan (GPK) 4.49 mata berbanding 4.60 mata pada 2023.

Analisis keputusan SPM 2024 menunjukkan bilangan calon memperoleh keputusan cemerlang, iaitu Gred A+, A dan A- dalam semua mata pelajaran, meningkat kepada 14,179 orang atau 3.7 peratus berbanding 11,713 calon pada 2023.

-- BERNAMA